

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Orang ramai yang makan di Alif Restoran berpuas hati dengan masakannya yang enak dan harganya yang berpatutan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	ke
B	Alif Restoran	Restoran Alif
C	dengan	pada
D	dan	tetapi

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Wang yang saya jumpa di tepi jalan tadi akan diserahkan oleh saya kepada pihak polis esok.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di tepi	ke tepi
B	akan	telah
C	diserahkan oleh saya	saya serahkan
D	kepada	pada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Puan Susila membuka siber kafe di kawasan itu sejak dua tahun yang lalu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	membuka	membukakan
B	siber kafe	kafe siber
C	di	ke
D	dua	kedua

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Penjenayah itu dapat dikesan oleh pihak polis berdasarkan kepada maklumat penduduk setempat.

- ☐ A berdasarkan maklumat
☐ B berdasar maklumat pada
☐ C berdasarkan dari maklumat
☐ D berdasarkan kepada maklumat

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Novel yang saya tulis sejak beberapa bulan lalu telah siap dan akan dipasarkan bukan lama lagi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	saya tulis	ditulis oleh saya
B	beberapa	berapa
C	telah	pernah
D	bukan	tidak

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

6. Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Anak kunci yang kami temukan di tepi padang semasa pulang dari sekolah semalam telah

kami serahkan pada Cikgu Lim. Tiada kesalahan

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

7. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Dalam sebulan, Encik Omar berjaya menjual berapa buah kereta terpakai di kedai kereta itu.

- ☐ A beberapa biji kereta
- ☐ B beberapa buah kereta
- ☐ C berapa biji kereta
- ☐ D berapa buah kereta

8. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.
Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

Rumah Puan Shamita tidak jauh daripada rumah saya kerana kami tinggal di taman perumahan yang sama.

- ☐ A tidak jauh dari
- ☐ B bukan jauh di
- ☐ C bukan jauh ke
- ☐ D tidak jauh daripada

9. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Rumah setinggian di kawasan itu dibina rapat-rapat.
- II Setiap murid mesti patuh pada peraturan yang ditetapkan di sekolah.
- III Calon yang berjaya dalam temu duga itu akan dimaklumkan melalui surat.
- IV Mak Cik Fatimah tidak mengharapkan apa-apa balasan dari anak-anaknya.

- ☐ A I, II, dan III
- ☐ B I, II, dan IV
- ☐ C I, III, dan IV
- ☐ D II, III, dan IV

10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Fesyen rambut panjang masih menjadi ikut-ikutan anak-anak muda di zaman ini.

	Kesalahan	Pembetulan
A	panjang	tinggi
B	masih	belum
C	anak-anak	semua anak-anak
D	di	pada

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Akmal tergopoh-gapah menghabiskan makanannya di kantin apabila waktu rehat telah tamat.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tergopoh-gapah	terkial-kial
B	di	ke
C	apabila	kerana
D	telah	belum

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pengorbanan para perajurit negara tidak akan dilupakan kami selagi nyawa dikandung badan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	para perajurit	para-para perajurit
B	tidak	bukan
C	dilupakan kami	kami lupakan
D	selagi	sebelum

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

13. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Beberapa orangkah yang terkorban dalam kejadian gempa bumi itu?
- II Shalin Zulkifli hanya menduduki tempat ketiga-tiga dalam kejohanan boling itu.
- III Satu pertiga daripada murid sekolah ini pergi ke sekolah dengan menaiki bas sekolah.
- IV Pelbagai pihak menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap keputusan pihak berkuasa berhubung dengan isu itu.

- ☐ A I dan II
- ☐ B II dan III
- ☐ C III dan IV
- ☐ D I dan IV

14. Bahagian yang bergaris dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Wanita itu menggosok-gosok perutnya berulang-ulang dengan minyak angin.

- ☐ A menggosok-gosok berulang perutnya
- ☐ B menggosok perutnya berulang-ulang
- ☐ C menggosok akan perutnya berulang
- ☐ D menggosok-gosok perutnya berulang-ulang

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Iklan seperti cara-cara untuk mengelakkan kejadian ragut itu dituju kepada orang ramai yang hendak pulang ke kampung.

	Kesalahan	Pembetulan
A	seperti	tentang
B	untuk	demi
C	kepada	pada
D	ke	di

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

16. Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Berkotak-kotak bekalan makanan menghantarkan untuk membantu mangsa tsunami di negara itu.

A B C

Tiada kesalahan

D

- ☐ A
- ☐ B
- ☐ C
- ☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pelbagai jenis barang-barang antik akan dipamerkan di bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra pada bulan depan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	barang-barang	barang
B	akan	telah
C	di	ke
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Arina mengakui bahawa kejayaannya didorong oleh usaha yang gigih dan doa dari ibu bapanya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bahawa	yang
B	oleh	dengan
C	dan	sambil
D	dari	daripada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Guru besar mengakhiri ucapannya di perhimpunan pada pagi itu dengan dua deret pantun.

	Kesalahan	Pembetulan
A	mengakhiri	mengakhirkan
B	pada	di
C	dua	kedua
D	deret	rangkap

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Kita turut bergembira atas kejayaan kamu memenangi pertandingan pidato itu," kata Rahman dan Salim kepada Siti.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kita	kami
B	atas	di atas
C	kamu	kalian
D	itu	situ

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D